

PENGLIBATAN USAHAWAN DALAM PERLAKSANAAN KERJA
KECIL DI MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT : SATU
KAJIAN KES

MOHD. ZAHARI BIN NORDIN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

Teristimewa buat kedua ibu bapa tercinta, terima kasih di atas jasa, pengorbanan, nasihat dan doa kalian selama ini. Buat semua ahli keluarga, kejayaan ini adalah untuk kita bersama dan terima kasih di atas dorongan serta nasihat kalian.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Selawat dan salam buat junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W serta keluarganya, para sahabat-sahabat baginda dan para ambia muslimin dan muslimat yang direhdai Allah.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ikhlas buat Puan Sarebah binti Warman selaku penyelia projek sarjana ini di atas sokongan, bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan projek sarjana ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pegawai dan pekerja di Majlis Perbandaran Batu Pahat dan kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam memberikan kerjasama dan bantuan di sepanjang proses pelaksanaan projek sarjana ini.

Tidak dilupakan juga, ribuan ucapan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan di atas kerjasama dan sokongan ikhlas daripada anda sekalian. Begitu juga kepada mana-mana pihak yang turut terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Semoga Allah membalas segala jasa baik kalian di masa akan datang untuk terus berjaya dalam segala bidang yang diceburi.

Wassalam.

ABSTRAK

Aktiviti pembangunan di Malaysia yang aktif dewasa kini telah menarik ramai pihak untuk terlibat sebagai kontraktor pembinaan khususnya kaum Bumiputera. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya saing bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, para usahawan yang menceburkan diri dalam bidang pembinaan khususnya sebagai kontraktor kecil menghadapi pelbagai masalah sehingga ada yang terpaksa gulung tikar. Kontraktor kecil yang mendapatkan projek daripada kontraktor utama atau pihak swasta terutamanya, turut menghadapi masalah dalam pelaksanaan operasi. Antaranya ialah sukar mendapatkan modal dari institusi kewangan, kelewatan dalam mendapatkan bayaran dari kerja yang telah dilaksanakan dan sebagainya. Sejalan dengan perancangan pihak kerajaan untuk menyalurkan kerja kecil untuk dilaksanakan oleh kontraktor Kelas F. Maka, sektor kerajaan dilihat sebagai salah satu pihak yang boleh dijadikan tumpuan utama di kalangan kontraktor kecil khususnya Kelas F untuk mendapatkan peluang kerja. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti skop kerja kecil yang ditawarkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat kepada para usahawan, mengenalpasti kaedah pengagihan kerja kecil yang diamalkan, mengenalpasti kriteria-kriteria yang dipertimbangkan dalam memilih kontraktor untuk melaksanakan kerja kecil yang ditawarkan, mengenalpasti masalah-masalah syarikat kontraktor yang pernah melaksanakan kerja kecil yang ditawarkan dan seterusnya mengenalpasti latar belakang pendidikan kontraktor terlibat. Proses pengumpulan data utama dibuat dengan mendapatkan maklumbalas daripada pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat dan juga di kalangan kontraktor Kelas F bagi menjawab persoalan kajian. Hasil dari kajian yang dijalankan telah mengenalpasti bahawa terdapat 32 skop kerja kecil yang ditawarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat kepada para usahawan. Kerja kecil tersebut diagihkan kepada para kontraktor melalui tiga kaedah utama iaitu melalui undian, lantikan terus dan sebutharga. Terdapat pelbagai kriteria yang dipertimbangkan dalam proses pemilihan kontraktor bergantung kepada kaedah pengagihan yang digunakan. Di akhir kajian, satu produk iaitu Modul Keusahawanan Kerja Kecil dibangunkan berdasarkan kepada hasil kajian yang telah diperolehi.

ABSTRACT

Development activities in Malaysia that is growing rapidly nowadays has attracted many parties to involve as contractor especially the Bumiputra. It has been the aspiration of the government to create the competitive ability in the Bumiputra Trade Society and Industry with hope of making Malaysia a developed country by the year 2020. Nevertheless, entrepreneurs who get involved in the construction field as especially small contractor facing of various problems until there is the one who is forced to close business. Small contractor who finds the small project from main contractor or private sector facing of various problems in implementation of their operation. Among is difficult to find capital from financial institutions, delay in finding payment from task implemented etc. In regard to the government's plan to channel smaller project to be implemented by Class F contractors. Then, the government sector is seen as one of the groups who can become the primary focus among small contractors of especially Class F to find opportunity project. This research was carried out to identify the scope of small project that is being offered to entrepreneurs by Batu Pahat Town Council, to identify the method of small project delegating that is implemented, identify criteria's that are to be considered in selecting the contractor to carry out small project that is offered, identifying the contractor's problems that had carried out of small project and to identifies the contractor's educational background is involved. Process of primary data collection is made by getting feedback from Town Council of Batu Pahat itself and also among Class F contractors to answer the research question. Results from study shows that there are about 32 scopes of small project that is being offered by Batu Pahat Town Council to entrepreneurs. The small project is delegated through three primary methods to contractors that are passing through the vote, appointing directly and quotation. There are various criteria's that are considered in the contractor's election process depending on the method of distribution used. At the end of this research, a product called Entrepreneurship's of Small Project Module is developed to be based to result of research that was obtained.



KANDUNGAN

BAB PERKARA

MUKA SURAT

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
PENGESAHAN PENYELIA	
JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Definisi Istilah dan Operasional	10

II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Usahawan dan Keusahawanan	14
2.3	Kontraktor Kelas F	15
2.4	Pengenalan Kerja Kecil	18
2.5	Kaedah Pengagihan Kerja Kecil Secara Undian, Latikan Terus dan Sebut Harga	19
2.6	Permasalahan Kontraktor Bumiputera	20
2.6.1	Pengurusan Strategik	21
2.6.2	Pengurusan Kewangan	22
2.6.3	Pengurusan Pemasaran	22
2.6.4	Pengurusan Sumber Manusia	23
2.6.5	Polisi dan Prosedur Kerajaan	24
2.6.6	Masalah Operasi dan Peribadi Kontraktor	24
2.7	Latar Belakang Pendidikan Usahawan	25

III METOD KAJIAN

3.1	Pengenalan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	27
3.3	Sumber Data	30
3.3.1	Data Sekunder	30
3.3.2	Data Primer	30
3.4	Populasi, Sampel dan Responden Kajian	31
3.5	Instrumentasi Kajian	32
3.5.1	Borang Temubual	32
3.5.2	Borang Soal Selidik	32
3.6	Kaedah Analisis Data	33
3.7	Kajian Rintis (Pilot Test)	35
3.8	Batasan Kajian	35
3.9	Andaian	36

IV ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	37
4.2	Analisis Borang Temubual	38
4.2.1	Kaedah Analisis	38
4.2.2	Skop Kerja Kecil Yang Ditawarkan Oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat	38
4.2.2.1	Jabatan Kejuruteraan Dan Bangunan	39
4.2.2.2	Jabatan Perancangan Dan Pengindahan	48
4.2.3	Kaedah Pengagihan Kerja Kecil Yang Diamalkan Oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat	50
4.2.3.1	Kaedah Undian	50
4.2.3.2	Kaedah Lantikan Terus	54
4.2.3.3	Kaedah Sebutharga	55
4.2.4	Kriteria-Kriteria Yang Diberikan Pertimbangan Oleh Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat Dalam Memilih Kontraktor	60
4.2.4.1	Kaedah Undian	61
4.2.4.2	Kaedah Lantikan Terus	62
4.2.4.3	Kaedah Sebutharga	64
4.3	Analisis Borang Soal Selidik	67
4.3.1	Bahagian A : Analisis Maklumat Profil Syarikat	68
4.3.1.1	Kaedah Analisis	68
4.3.1.2	Umur Pemilik	68
4.3.1.3	Usia Syarikat	69
4.3.1.4	Bilangan Pekerja	70
4.3.2	Bahagian B : Masalah-Masalah Kontraktor	70
4.3.2.1	Kaedah Analisis	70
4.3.2.2	Masalah Pengurusan Strategik	71
4.3.2.3	Masalah Pengurusan Kewangan	73
4.3.2.4	Masalah Pengurusan Pemasaran	76
4.3.2.5	Masalah Pengurusan Sumber Manusia	80
4.3.2.6	Masalah Berhubung Polisi Dan Prosedur Kerajaan	84



4.3.2.7 Masalah Operasi Dan Peribadi Kontraktor	86
4.3.3 Bahagian C : Analisis Latar Belakang Pendidikan Kontraktor	91
4.3.3.1 Kaedah Analisis	91
4.3.3.2 Latar Belakang Pendidikan	91
V REKABENTUK PRODUK	
5.1 Pengenalan	94
5.2 Latarbelakang Penghasilan Produk	94
5.3 Objektif Produk	95
5.4 Batasan Produk	96
5.5 Kegunaan Produk	96
5.6 Kelebihan Produk	96
5.7 Sasaran Penggunaan Produk	97
5.8 Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	97
5.9 Kronologi Pembinaan Produk	98
5.9.1 Pengenalpastian Masalah	99
5.9.2 Penetapan Objektif	99
5.9.3 Kajian Literatur	99
5.9.4 Penetapan Metod Kajian	99
5.9.5 Pengumpulan Data	100
5.9.5.1 Data Sekunder	100
5.9.5.2 Data Primer	100
5.9.6 Analisis Data	101
5.9.7 Penghasilan Produk	101
5.10 Permasalahan Dalam Membangunkan Produk	101
5.11 Penutup	102
VI KESIMPULAN DAN CADANGAN	
6.1 Pengenalan	103
6.2 Kesimpulan	104

6.2.1	Skop Kerja Kecil Yang Ditawarkan Oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat	104
6.2.2	Kaedah Pengagihan Kerja Kecil Yang Diamalkan Oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat	106
6.2.3	Kriteria-Kriteria Yang Diberikan Pertimbangan Oleh Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat Dalam Memilih Kontraktor	107
6.2.4	Masalah Syarikat Kontraktor Yang Pernah Melaksanakan Kerja Kecil Yang Ditawarkan Oleh Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat	109
6.2.5	Latar Belakang Pendidikan Kontraktor Yang Pernah Melaksanakan Kerja Kecil Yang Ditawarkan Oleh Pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat	111
6.3	Cadangan	111
6.3.1	Pendedahan Mengenai Skop Kerja Kecil Kepada Usahawan Terlibat	112
6.3.2	Pemahaman Berhubung Kaedah Pengagihan Kerja Kecil Yang Diamalkan	112
6.3.3	Pemahaman Berhubung Kriteria Yang Diberikan Pertimbangan Oleh Pihak Majikan Dalam Memilih Kontraktor Untuk Melaksanakan Kerja Kecil Yang Ditawarkan	113
6.3.4	Mengenalpasti dan Berusaha Mengatasi Masalah Yang Dihadapi	113
6.3.5	Pengalaman Kerja dan Menghadiri Kursus Jangka Pendek Sebagai Satu Cara Mendapatkan Pengalaman dan Pengetahuan Dalam Bidang Yang Diceburi	114
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	114
	RUJUKAN	116
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kelas Pendaftaran Kontraktor	16
3.1	Analisis Skala Likert	34
4.1	Umur Pemilik	68
4.2	Usia Syarikat	69
4.3	Bilangan Pekerja	70
4.4	Pihak Yang Menyediakan Perancangan Strategik Syarikat	71
4.5	Masalah Pengurusan Strategik	72
4.6	Masalah Pengurusan Kewangan	75
4.7	Kaedah Mendapatkan Projek / Kontrak Baru	77
4.8	Masalah Pengurusan Pemasaran	78
4.9	Masalah Pengurusan Sumber Manusia	82
4.10	Masalah Berhubung Polisi Dan Prosedur Kerajaan	85
4.11	Masalah Operasi Dan Peribadi Kontraktor	88
4.12	Latar Belakang Pendidikan Kontraktor	92

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Sumber Pembiayaan Syarikat	74
4.2	Kaedah Mendapatkan Tenaga Kerja	80
4.3	Pihak Yang Menjadi Pelanggan	84
4.4	Ciri-Ciri Usahawan (Kontraktor)	87
5.1	Langkah Penghasilan Produk	98



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

- A Borang Temubual
- B Borang Soal Selidik
- C Analisis Kebolehpercayaan : SPSS
- D Carta Organisasi MPBP
- E Produk : Modul Keusahawanan Kerja Kecil



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Peningkatan sumbangan usahawan dalam merealisasikan kehendak kemodenan semakin ditagih untuk menjana kerancakan guna tenaga dalam pelbagai bidang dan sektor termasuklah sektor perdagangan dan perindustrian. Dengan terlaksananya Dasar Ekonomi Baru, pembangunan usahawan terutamanya di kalangan golongan Bumiputera adalah penting untuk menggalakkan penglibatan mereka dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUN) telah diamanahkan untuk mewujudkan usahawan Bumiputera yang berkualiti dan berdaya saing. Bagi menjayakan misi ini, Kementerian telah mengambil pelbagai langkah untuk mewujudkan dan melaksanakan program pembangunan usahawan. Antara langkah tersebut termasuklah menyebarkan peluang-peluang baru yang boleh diceburi oleh usahawan, menggalakkan pembangunan usahawan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian dan menggembelng jaringan strategi dengan pihak swasta. Selain daripada itu, Kementerian juga berusaha dalam membangunkan usahawan melalui pengenalan peluang-peluang perniagaan dan menyediakan persekitaran yang kondusif kepada usahawan-usahawan termasuk para kontraktor (Mohamed Nazri Abd. Aziz, 2001).

Selaras dengan dasar "domestic led growth", kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan tambahan berjumlah RM 4.3 bilion pada 25 September 2001. Ini merupakan langkah tambahan kepada pakej "pre-emptive" sebanyak RM 3 bilion yang telah diumumkan pada Mac 2001. Di samping merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri, pakej ini juga bertujuan untuk membendung kesan negatif terhadap golongan berpendapatan rendah dan lemah. Ia juga bertujuan menjana aktiviti perniagaan, menambah peluang pendapatan kepada usahawan kecil dan membantu perniagaan runcit. Dalam hubungan ini, projek khas kerja kecil luar bandar akan ditawarkan khusus kepada kontraktor Bumiputera tempatan Kelas F dan juga kontraktor bukan Bumiputera (Mahathir Mohamad, 2001).

Sebenarnya, berbagai langkah dan usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam melahirkan para usahawan yang berdaya saing bagi membantu memajukan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, krisis ekonomi yang melanda rantau Asia Tenggara beberapa tahun kebelakangan ini juga turut memberi kesan yang besar terhadap negara. Peluang-peluang pekerjaan yang ada pada masa kini turut terjejas terutamanya di kalangan usahawan kecil. Kebanyakan peluang kerjaya dalam bidang pembinaan dan pembangunan terpaksa dibekukan seketika. Begitu juga peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta (Suria Md. Yusof, 2001). Tetapi peluang di dalam bidang keusahawanan masih terbuka luas khususnya dalam pelaksanaan kerja-kerja kecil. Adalah menjadi strategi pihak kerajaan dalam menambahkan perbelanjaan bagi pelaksanaan kerja-kerja pembinaan kecil di mana ianya akan memberi keuntungan kepada usahawan kecil dalam bidang pembinaan khususnya kontraktor Kelas F. Cara ini membantu dalam mengaktifkan kembali ekonomi negara (Mahathir Mohamad, 2001).

Majlis Perbandaran Batu Pahat merupakan salah satu badan kerajaan yang menawarkan kerja kecil untuk di laksanakan oleh kontraktor kelas rendah khususnya kontraktor Kelas F. Antara kerja kecil yang ditawarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat adalah seperti kerja-kerja lanskap di taman-taman rekreasi atau di sepanjang jalan-jalan utama bandar, membersihkan kawasan, memasang longkang, membina kawasan untuk beriadah, membina kemudahan awam, membaiki jalan-jalan rosak dan lain-lain lagi. Kebiasaannya, kerja kecil yang dilaksanakan tidak memerlukan masa yang lama untuk disiapkan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Keusahawanan merupakan suatu bidang yang amat luas dan mencabar terutamanya dalam perkembangan era globalisasi. Sejalan dengan perkembangan tersebut, peranan usahawan juga turut menjadi lebih mencabar, kompleks dan pelbagai dalam menyumbang ke arah pembinaan sebuah negara yang maju, dinamik dan progresif (Suria Md. Yusof, 2001).

Menurut Mohd Amir Sharifuddin Hashim (1992), peranan usahawan dalam pembangunan ekonomi mula menarik perhatian ahli-ahli ekonomi sejak ianya dikemukakan oleh Richard Cantillon dalam tahun 1805. Kini usahawan telah diakui sebagai faktor yang paling kritis dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Menyedari hakikat tersebut, Dasar Ekonomi Baru dibentuk untuk membasmi kemiskinan dan memastikan struktur ekonomi penduduk berada di dalam keadaan seimbang sama ada dari segi peluang untuk mendapatkan pelajaran mahupun pekerjaan (Shahidan Kassim, 1992). Oleh itu, pihak kerajaan sentiasa memberikan galakan kepada golongan Bumiputera untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan termasuklah sebagai kontraktor pembinaan.

Kontraktor Kelas F didefinisikan sebagai syarikat kecil yang layak menender pelbagai kerja awam dan mempunyai modal minimum RM 5,001. Ia adalah kategori syarikat kontraktor paling kecil berdaftar dengan Pusat Perkhidmatan Kontraktor (PKK) di Kementerian Usahawan. Kontraktor Kelas F yang berdaftar dengan PKK perlu membayar yuran pendaftaran RM 50 dan yuran pembaharuan RM 25 setiap dua tahun sekali. Kontraktor kelas ini adalah merupakan bilangan yang paling banyak sekali iaitu meliputi 64% daripada keseluruhan kontraktor yang ada (Sudin Haron *et.al*, 1999).

Ekonomi Malaysia yang terus menunjukkan pertumbuhan yang memberansangkan telah mewujudkan banyak peluang perniagaan untuk diteroka oleh para usahawan. Selain daripada bidang tradisional yang boleh diterokai oleh usahawan kecil dalam aktiviti perniagaan, pihak kerajaan juga berhasrat untuk melihat usahawan Bumiputera berkembang dalam bidang lain seperti pembinaan.

Oleh itu, peluang dibuka dengan lebih luas kepada kontraktor Bumiputera dari Kelas F hinggalah ke A dan Wibawa untuk turut serta dalam projek-projek pembinaan yang dilaksanakan (Abd. Ghani Othman, 2001). Bagi kontraktor Kelas F, terdapat pelbagai peluang kerja kecil yang boleh dilaksanakan oleh mereka selari dengan keupayaan yang dimiliki khususnya projek-projek yang ditawarkan oleh badan kerajaan.

Antara badan kerajaan yang menawarkan kerja kecil untuk dilaksanakan ialah Majlis Perbandaran Batu Pahat. Sebagai mana yang telah kita sedia maklum, terdapat banyak kerja kecil yang ditawarkan oleh sesebuah majlis perbandaran khususnya Majlis Perbandaran Batu Pahat kepada kontraktor-kontraktor yang dikategorikan di dalam Kelas F di mana ianya melibatkan kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan pembersihan di bawah RM 100,000.00. Untuk makluman, hanya golongan Bumiputera sahaja yang layak untuk mendaftar di dalam kelas tersebut seperti mana yang akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab 2.

Menyedari bahawa pelaksanaan kerja-kerja kecil oleh pihak kontraktor mampu untuk mengaktifkan ekonomi negara. Maka di bawah Belanjawan 2001 dan peruntukan tambahan di bawah Pakej Rangsangan, pihak kerajaan telah memperuntukan 1 billion ringgit bagi projek-projek kecil untuk dilaksanakan di seluruh negara. Melalui kerja-kerja kecil yang dilaksanakan, penduduk setempat dapat menikmati kemudahan yang disediakan, kontraktor kecil Bumiputera mendapat kontrak, peniaga dapat membekal bahan binaan dan seterusnya pertumbuhan ekonomi akan terjana. Adalah dianggarkan sebahagian besar daripada hampir 17,500 kontraktor Kelas F Bumiputera berpeluang terlibat dalam projek-projek kecil ini (Mahathir Mohamad, 2001).

1.3 Pernyataan Masalah

Hasil daripada pelbagai jenis galakan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan juga kesedaran golongan Bumiputera berhubung peluang-peluang yang boleh diperolehi di dalam industri pembinaan, maka bilangan kontraktor Kelas F yang mendaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) telah meningkat dengan

menggalakkan. Ketika ini, dianggarkan lebih 19,000 kontraktor Kelas F di seluruh negara. Jumlah itu dikatakan melebihi jumlah kerja yang ditawarkan bagi kategori berkenaan (Azmi Khalid, 2001). Disebabkan jumlah kontraktor Kelas F yang terlalu ramai berbanding dengan kerja yang ditawarkan, di sini timbul masalah di mana usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam meningkatkan jumlah usahawan Bumiputera telah menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang pekerjaan untuk dilaksanakan.

Menurut Mohamad Idris (2000), bilangan kontraktor kecil di negeri Johor adalah tinggi tetapi cuma 25% sahaja daripada bilangan kontraktor tersebut aktif di dalam melakukan kerja yang ditawarkan. Selebihnya hanya mendapatkan lesen akibat terikut-ikut perbuatan orang lain apabila terpengaruh dengan hasil yang akan didapati atau untuk mendapatkan komisen bagi kerja yang dilakukan oleh pihak lain dengan menggunakan lesen mereka. Kebanyakan mereka mengambil peluang untuk mendapatkan lesen apabila mereka telah pencen daripada kerja asal di mana pengalaman mereka di dalam industri binaan adalah sedikit.

Dari satu sudut, peningkatan jumlah kontraktor Kelas F merupakan satu petanda yang baik terhadap usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan serta menuju ke arah untuk mencapai matlamat utama Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu untuk menggalakkan penyertaan 30% kaum Bumiputera di dalam sektor ekonomi. Namun demikian, jika dilihat dari satu sudut yang berlainan pula, akibat daripada penyertaan yang sangat tinggi usahawan dalam bidang ini, maka peluang-peluang untuk mendapatkan kontrak bagi kerja-kerja kecil juga akan terhad. Perkara ini berlaku kerana wujud persaingan yang tinggi bagi mendapatkan kerja tersebut. Akibat daripada kesukaran mendapatkan kerja, maka banyak kontraktor-kontraktor kecil terpaksa gulung tikar kerana sudah tidak mampu untuk menanggung kos operasi syarikat mereka (Ahmad Muhazrin Abdullah, 2000).

Dalam pelaksanaan sesuatu projek pembinaan, pihak kerajaan tidak seharusnya menyatukan kerja-kerja kecil untuk dijadikan satu projek besar dan akhirnya diserahkan kepada kontraktor kecil melalui syarikat besar. Cara ini sungguhpun memberi banyak kelebihan kepada pihak kerajaan tetapi yang menanggung risiko adalah kontraktor-kontraktor kecil Bumiputera yang

melaksanakan projek terbabit kerana segala pembayaran yang dilaksanakan dibuat melalui kontraktor besar yang diberikan kerja tersebut (Marsum Paing, 2001). Keadaan seperti ini akan menimbulkan pelbagai masalah khususnya kepada kontraktor kecil yang terlibat seperti masalah kelewatan dalam mendapatkan pembayaran, masalah mendapatkan modal dan sebagainya.

Projek-projek yang diperolehi daripada kontraktor utama tidak melayakkan kontraktor kelas rendah untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak bank kerana surat tawaran yang dikeluarkan oleh kontraktor utama tidak diterima untuk dijadikan sandaran oleh pihak bank. Perkara seperti ini menimbulkan kerumitan kepada kontraktor kecil terbabit dalam mendapatkan pinjaman, seterusnya kontraktor kecil terbabit menghadapi masalah kewangan dan menyebabkan kerja terbabit gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan (Mohd Sani Md Said, 2001). Oleh itu, pemberian kerja kecil secara terus kepada kontraktor kecil oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat adalah suatu kaedah yang praktikal bagi menjaga kebajikan dan menggalakkan perkembangan usahawan Bumiputera khususnya dalam bidang pengkontraktoran.

Pertukaran dalam sistem perolehan sesuatu projek kerajaan secara sebut harga dan proses rundingan terus dengan pihak kerajaan sama ada di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan kepada perlaksanaan secara penswastan telah menyebabkan kumpulan kontraktor terbabit (kontraktor Kelas F) kehilangan peluang untuk memperolehi projek-projek kerajaan. Tender terbuka untuk melaksanakan projek-projek berkenaan pastinya akan memihak kepada kontraktor kelas atasan yang lebih berkemampuan dari segi kewangan dan tenaga kerja. Kontraktor-kontraktor utama biasanya akan melantik beberapa kontraktor Kelas F untuk melaksanakan projek terbabit dan memberi bayaran yang rendah kepada mereka. Malahan sering berlaku kes-kes kelewatan dalam membuat pembayaran kepada kontraktor kecil terbabit (Marsum Paing, 2001).

Jadi, langkah Majlis Perbandaran Batu Pahat memberikan projek kerja kecil kepada kontraktor Kelas F adalah suatu kaedah yang baik demi menjaga kebajikan golongan Bumiputera dan seterusnya mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Perkara yang cuba diketengahkan di dalam kajian ini adalah mengenalpasti

skop kerja kecil yang boleh diperolehi oleh usahawan kecil Bumiputera di Majlis Perbandaran Batu Pahat, mengenalpasti kaedah pengagihan kerja kecil yang diamalkan, dan mengenalpasti kriteria yang diberi pertimbangan dalam pemilihan kontraktor untuk melaksanakan kerja kecil yang ditawarkan. Disamping itu, kajian di pihak kontraktor akan dibuat bagi mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan juga latar belakang pendidikan yang dimiliki, sekurang-kurangnya untuk menjadi seorang kontraktor Kelas F.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah :

1. Apakah skop kerja kecil yang ditawarkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat kepada para usahawan ?
2. Apakah kaedah pengagihan kerja kecil yang diamalkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat ?
3. Apakah kriteria-kriteria yang diberikan pertimbangan oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat dalam memilih kontraktor untuk melaksanakan kerja kecil yang ditawarkan ?
4. Apakah masalah-masalah syarikat kontraktor yang pernah melaksanakan kerja kecil yang ditawarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat ?
5. Apakah latar belakang pendidikan kontraktor yang pernah melaksanakan kerja kecil yang ditawarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat ?

1.5 Objektif Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini adalah bagi mencapai 5 objektif utama seperti berikut :

1. Menenalpasti skop kerja kecil yang ditawarkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat kepada para usahawan.
2. Menenalpasti kaedah pengagihan kerja kecil yang diamalkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat.
3. Menenalpasti kriteria-kriteria yang diberikan pertimbangan oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat dalam memilih kontraktor untuk melaksanakan kerja kecil yang ditawarkan.
4. Menenalpasti masalah-masalah syarikat kontraktor yang pernah melaksanakan kerja kecil yang ditawarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat.
5. Menenalpasti latar belakang pendidikan kontraktor yang pernah melaksanakan kerja kecil yang ditawarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Di akhir kajian, satu modul rujukan akan dihasilkan di mana kandungan modul tersebut adalah berdasarkan kepada hasil kajian yang telah diperolehi. Disamping itu, beberapa maklumat tambahan akan dimuatkan dalam modul tersebut supaya ianya berguna untuk dijadikan bahan rujukan tambahan kepada pengguna sasaran.

1.6 Skop Kajian

Kajian yang dibuat meliputi skop berikut :

1. Kajian dijalankan ke atas pelaksanaan kerja kecil yang ditawarkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat sahaja.
2. Kajian dijalankan ke atas kontraktor Kelas F yang pernah melaksanakan kerja kecil yang ditawarkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat sahaja.

1.7 Kepentingan Kajian

Apabila membincangkan tentang kepentingan kajian, maka ia akan melibatkan dua pihak yang utama secara langsung iaitu Majlis Perbandaran Batu Pahat dan juga kontraktor Kelas F. Kepentingan kajian ini kepada Majlis Perbandaran Batu Pahat adalah ia dapat mendedahkan peluang-peluang kerja kecil yang boleh dilaksanakan oleh para usahawan kecil khususnya kontraktor Kelas F. Melalui pendedahan di dalam kajian ini, maka pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat boleh membuka peluang lebih besar kepada para kontraktor Kelas F untuk membuat tawaran sebutharga dan seterusnya harga tawaran yang kompetitif diperolehi, di samping mendapatkan kontraktor yang benar-benar berkaliber dalam menjalankan kerja kecil yang ditawarkan.

Bagi pihak kontraktor pula, kajian ini boleh dijadikan panduan semasa proses mengisi sebutharga. Ini kerana di dalam kajian ini, penyelidik akan membincangkan tentang kriteria-kriteria yang perlu diberi perhatian oleh pihak kontraktor semasa proses sebutharga dilakukan. Di samping mengetahui kaedah pemberian kerja kecil yang diamalkan, pihak kontraktor juga boleh mengetahui skop kerja kecil yang ditawarkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat melalui kajian yang dijalankan ini. Kontraktor yang ingin mendapatkan peluang kerja di Majlis Perbandaran Batu Pahat perlu tahu skop kerja kecil yang ditawarkan dan mengetahui kaedah pengagihan untuk kerja tersebut dilakukan untuk mengelakkan kontraktor terlepas peluang untuk

bersaing bagi mendapatkan kerja tersebut. Adalah penting bagi pihak kontraktor untuk mengambil tahu tentang skop kerja yang hendak dilakukan untuk memastikan sebhutharga yang diisi tidak terlalu tinggi atau terlalu rendah.

Bagi usahawan yang baru menceburkan diri dalam bidang pengkontraktor, mereka boleh merujuk kajian ini untuk mengenalpasti apakah masalah yang dihadapi dalam melaksanakan kontrak kerja kecil khususnya di Majlis Perbandaran Batu Pahat dan seterusnya membuat perancangan strategik bagi mengelak masalah tersebut. Kajian ini juga penting kepada bakal usahawan yang ingin menceburkan diri sebagai kontraktor pembinaan khususnya dalam Kelas F di mana mereka boleh mengenalpasti apakah latar belakang pendidikan yang sesuai dan diperlukan untuk mendaftar dalam kelas tersebut. Secara keseluruhannya, kajian ini boleh dijadikan panduan atau modul bagi dijadikan rujukan tentang kemampuan kontraktor untuk mendapatkan kerja kecil, umumnya di mana-mana badan kerajaan dan khususnya di Majlis Perbandaran Batu Pahat.

1.8 Definisi Istilah Dan Operasional

Projek Sarjana ini bertajuk "Penglibatan Usahawan Dalam Pelaksanaan Kerja Kecil Di Majlis Perbandaran Batu Pahat : Satu Kajian Kes". Berikut adalah defnisi-defnisi istilah yang berkaitan dengan kajian ini :

a) Usahawan

Seseorang yang memulakan sesuatu (berinisiatif), pandai menggunakan idea atau kaedah baru (kreatif), sentiasa membuat pembaharuan dan pengubahsuaian (inovatif), gagah menghadapi risiko serta berusaha untuk menjayakan sesuatu (Loo Chee Kuang, 1993).

b) Usahawan Bumiputera

Pengusaha yang terdiri daripada kalangan orang-orang Melayu atau pribumi lain yang mengusahakan sesuatu perniagaan serta mempunyai ciri-ciri usahawan seperti berinisiatif, kreatif, inovatif dan berorientasikan kejayaan.

c) Kontraktor

Merujuk kepada orang atau syarikat yang menguruskan sesuatu (seperti mendirikan bangunan, membekalkan barang dan lain-lain) berdasarkan perjanjian (Kamus Dewan, 1989).

d) Kontraktor Bumiputera

Syarikat kontraktor yang ditubuhkan oleh orang Melayu, atau Kaum Asli kaum Pribumi Sarawak dan Sabah sebagaimana mengikut Perkara 160 (2) dan Fasal (6) Perkara 160 (A) dan Fasal (6) Perkara 161A Perlembagaan Malaysia.

e) Kontraktor Kelas F

Merujuk kepada syarikat kontraktor bersaiz kecil yang layak menender pelbagai kerja awam dan mempunyai modal minimum RM 5,001. Ia adalah kategori syarikat kontraktor paling kecil berdaftar dengan Pusat Perkhidmatan Kontraktor (PKK). Semua kontraktor Kelas F adalah bertaraf Bumiputera, dari itu tidak timbul soal pemberian taraf. Ini bermakna kontraktor Kelas F adalah kontraktor Bumiputera dan tidak perlu memohon pengiktirafan Taraf Bumiputera.

RUJUKAN

- Adnan Alias (1992). "Asas Keusahawanan." Kuala Lumpur : Ampang Press.
- Barjoiyai Bardai (2000). "Keusahawanan dan Perniagaan Bahagian Satu." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Biro Rundingan dan Inovasi UKM dan Builders Info Centre Sdn. Bhd. (2002). "Kursus Asas Kontraktor Binaan." Kuala Lumpur : Tidak diterbitkan.
- Humam Mohamad (1992). "Keusahawanan Di Malaysia." MEDEC. Kuala Lumpur : Ampang Press.
- Jaafar Muhamad (1993). "Asas Pengurusan Perniagaan." Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Loo Chee Kuang (1993). "Perdagangan." Johor Bahru : Penerbitan Pelangi.
- Majlis Amanah Rakyat (1981). "Panduan Pemborong Binaan." Kuala Lumpur : Bahagian Pembangunan Usahawan MARA, Cawangan Perkhidmatan Teknikal dan Komersial, MARA.
- Malaysia (2001). "Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 tahun 2001 : Had Nilai Perolehan, Kuasa, Tanggungjawab Lembaga Perolehan Dan Jawatankuasa Sebut Harga : K.KEW/PK/1100/000000/10/31 Jld. 10(4).
- Institut Kerja Raya Malaysia (1993). "Pengenalan Untuk Juruukur Bahan." Kajang : Tidak diterbitkan.
- Rusdi Mustafa (1992). "Pengurusan Projek Pembinaan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Uzairi Haji Saidin (1998). "Aturcara Kontrak dan Taksiran." Petaling Jaya : IBS Buku Sdn. Bhd.
- Yep Putih (1985). "Keusahawanan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.